**BAHASA MELAYU KOMUNIKASI**

NAMA : TARIKH :
KELAS : HARI :

## LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Pada hari Ahad minggu lepas, murid-murid Pendidikan Khas Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh telah mengadakan lawatan ke kebun sayur Sekolah Kebangsaan Kuang. Mereka bertolak dari sekolah pada pukul 8.00 pagi. Sebaik-baik tiba di Sekolah Kebangsaan Kuang, mereka disambut oleh guru Kemahiran Hidup, Cikgu Mazlan dan guru besar Sekolah Kebangsaan Kuang memberikan ucapan alu-aluan kepada tetamu yang datang.



Terdapat pelbagai jenis sayuran yang ditanam di kebun sayur itu. Antaranya ialah terung, sawi, kubis, tomato, bendi, cili dan banyak lagi. Menurut Cikgu Mazlan, kebun sayur ini diuruskan oleh murid-murid termasuklah mengutip hasil tanaman dan menguruskan jualan sayur-sayuran tersebut.

Murid-murid Pendidikan Khas berangkat pulang pada pukul 12.00 tengah hari. Murid-murid berasa gembira dan berharap agar dapat menyertai lawatan seperti ini lagi pada masa hadapan.

LIVEWORKSHEETS

Jawab soalan berikut.

1. Kemanakah lawatan sekolah ini dijalankan?
   A. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh
   B. Sekolah Kebangsaan Kuang

2. Siapakah yang menyambut setelah sampai di sekolah?
   A. Guru Kemahiran Hidup
   B. Guru Matematik

3. Apakah sayuran yang terdapat di kebun sayur?
   A. Bendi
   B. Pisang

4. Siapakah yang menguruskan kebun sayur ini?
   A. Murid Kemahiran Hidup
   B. Guru Besar

5. Pukul berapakah lawatan ini berakhir?
   A. 12.00 pagi
   B. 12.00 tengah hari

LIVEWORKSHEETS